

08/03/1999

Penduduk tolak bina laluan pilihan

Noordin Zakaria

KUALA LUMPUR, Ahad - Penduduk Bandar Sri Damansara, dekat sini, tetap dengan keputusan tidak mahu kawasan perumahan itu menjadi sebahagian daripada laluan pilihan bebas tol bagi pengguna yang ingin mengelak melalui plaza tol Lebuhraya Damansara Puchong (LDP).

Keputusan itu diambil dalam mesyuarat Persatuan Penduduk Bandar Sri Damansara di Kelab Sri Damansara di sini hari ini.

Sehubungan itu, Presidennya, Mansor Sulaiman, berkata penduduk sekitar kawasan berkenaan akan mengambil apa saja langkah perlu bagi memastikan kawasan kediaman mereka tidak dijadikan laluan pilihan berkenaan.

Menurutnya, penduduk bukan membantah usaha menyediakan jalan alternatif bagi membolehkan orang ramai mengelak membayar tol tetapi hanya mahu memastikan ketenteraman di kawasan perumahan itu, kekal.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, beliau berkata, penduduk tidak mahu perkara yang berlaku di kawasan perumahan Subang Jaya, berulang di kawasan Bandar Sri Damansara.

Sebelum ini, penduduk di kawasan perumahan Subang Jaya dilaporkan menghadapi masalah kesesakan lalu lintas kerana kawasan itu menjadi laluan orang ramai yang hendak keluar ke Lebuhraya Persekutuan.

"Kami tidak mahu perkara yang berlaku di kawasan perumahan Subang Jaya, berulang di kawasan ini. Keadaan tentu akan menjadi lebih buruk kerana jalan di dalam kawasan perumahan Bandar Sri Damansara adalah kecil," katanya.

Awal bulan lalu, pemegang konsesi LDP, Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Litrak) mencadangkan beberapa laluan pilihan bebas tol untuk pengguna yang ingin mengelak daripada melalui plaza tol lebuhraya itu.

Laluan berkenaan membabitkan jalan sedia ada dan jalan susur baru yang akan dibina bagi kemudahan penduduk setempat yang ingin mengelak daripada melalui Plaza Tol Penchala, Plaza Tol Puchong Barat dan Plaza Tol Puchong Selatan.

Menurut Pengurus Besar Operasi Littrak, Amran Amir, penyediaan dan pembaikan sebahagian daripada laluan pilihan berkenaan membabitkan belanja kira-kira RM6 juta.

Mansor berkata, persatuan penduduk kawasan perumahan itu sudah mendapatkan tandatangan 4,000 ahlinya sebagai menyatakan bantahan terhadap usaha menjadikan kawasan mereka sebahagian daripada laluan pilihan yang dicadangkan.

Tandatangan berkenaan akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Littrak.

Kawasan kediaman Bandar Sri Damansara yang didiami kira-kira 17,000 penduduk, sebelum ini tidak menghadapi masalah kesesakan lalu lintas.

(END)